

UNTUNG BERSIH SUKU KEEMPAT CREST BUILDER MENINGKAT



Bernama Media – 14 hours ago

KUALA LUMPUR, 25 Feb (Bernama)-- Untung bersih Crest Builder Holdings Bhd untuk suku keempat berakhir 31 Dis, 2012, meningkat kepada RM26.7 juta daripada RM4.5 juta dalam suku sebelumnya.

Pendapatan mengukuh kepada RM218.12 juta daripada RM186.66 juta sebelumnya, katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Crest Builder berkata peningkatan dalam keuntungan bersih ini sebahagiannya disebabkan oleh keuntungan nilai wajar hartanah-hartanah pelaburan -- The Crest Office Tower dan tempat letak kereta dan dua unit kedai yang lain yang terletak di Taman megah dan Sentul - yang berjumlah sehingga RM20.02 juta.

Untuk tahun kewangan berakhir 31 Dis, 2012, untung bersihnya naik kepada RM39.65 juta daripada RM29.42 juta dalam tempoh yang sama 2011.

Pendapatan mengukuh kepada RM695.1 juta daripada RM499.85 juta sebelumnya.

-- BERNAMA

NSF THS AA